

## **Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia**

Tajuk Dokumen : Arahan Kerja Tampalan

No. Dokumen: AK/PP/07

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16 Oktober 2009

### **1. Persediaan Peralatan dan Bahan**

- 1.1 Sebelum, semasa dan selepas rawatan, kawalan jangkitan silang hendaklah dipatuhi oleh perawat dan pembantu perawat mengikut **Guidelines on Infection Control in Dental Practice (MOH/K/GIG/20.2007(GU))**
- 1.2 Perawat hendaklah mengenalpasti gigi dan jenis tampalan yang bakal dilakukan dan beri penerangan kepada pesakit tentang rawatan yang bakal diberikan pada lawatan tersebut.
- 1.3 Pembantu perawat hendaklah menyediakan peralatan dan bahan yang sesuai dengan rawatan tampalan mengikut **Guidelines on Infection Control in Dental Practice (MOH/K/GIG/20.2007(GU))**.

### **2. Penyediaan Kaviti**

- 2.1 Setelah peralatan dan bahan telah disediakan, Perawat memulakan rawatan dengan membuat kaviti mengikut bentuk/garisluar karies pada gigi menggunakan handpiece dan bur yang bersesuaian.
  - 2.1.1 Sekiranya menggunakan tampalan sewarna gigi, pilhan warna hendaklah dilakukan sebelum kaviti dibuat.
  - 2.1.2 Pastikan kaviti adalah bebas daripada karies.
- 2.2 Sekiranya telah menghampiri kebuk pulpa, eskavator digunakan agar tidak mencederakan lantai kaviti atau menyebabkan pendedahan pulpa atraumatik.
- 2.3 Apabila telah berlaku pendedahan pulpa, kenalpasti saiz pendedahan yang berlaku.
  - 2.3.1 Sekiranya pendedahan pulpa sebesar mata pin, letakkan bahan lapisan dan pelapik.
  - 2.3.2 Sekiranya pendedahan pulpa melebihi saiz mata pin, rawatan lanjutan perlu dilakukan seperti **AK Rawatan Kanal Akar (AK/PP/09)** atau **AK Pulpotomi dan Pulpektomi(AK/PP11)**.
  - 2.3.3 Bagi JPP, rawatan hendaklah dihentikan dan rujuk kepada JP, PJP atau PP untuk tindakan lanjutan mengikut **AK Rawatan Kanal Akar (AK/PP/09)** atau **AK Pulpotomi dan Pulpektomi(AK/PP11)**.

## **Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia**

Tajuk Dokumen : Arahan Kerja Tampalan

No. Dokumen: AK/PP/07

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16 Oktober 2009

### **3. Perletakan Pelapik Dan Lapisan**

- 3.1 Perawat hendaklah mengenalpasti samada kaviti memerlukan lapisan dan pelapik atau tidak.
- 3.2 Sekiranya menghampiri kebuk pulpa atau pendedahan pulpa sebesar mata pin, Pembantu Perawat hendaklah menyediakan peralatan dan bahan lapisan.
  - 3.2.1 Setelah diserahkan kepada perawat, bancuhan yang sehati (mengikut arahan pengeluar) hendaklah dilakukan oleh perawat dan meletakkannya di kaviti yang telah dikenalpasti.
- 3.3 Apabila telah dipastikan bahan lapisan diletakkan pada tempat yang telah dikenalpasti, pembantu perawat hendaklah membancuh bahan pelapik mengikut arahan pengeluar dan menyerahkan kepada perawat untuk diletakkan di kaviti.
- 3.4 Sekiranya tidak memerlukan lapisan, bahan pelapik hendaklah dibancuh oleh pembantu perawat dan diletakkan di kaviti oleh perawat.

### **4. Tampalan**

- 4.1 Perawat hendaklah mengenalpasti jenis gegelang matirk atau selulose strip yang sesuai mengikut jenis kaviti yang telah tersedia dan dipasangkan pada gigi yang hendak dibuat tampalan.
- 4.2 Sekiranya memerlukan tampalan amalgam;
  - 4.2.1 Pembantu perawat hendaklah mengambil kapsul dan tekan menggunakan jari.
  - 4.2.2 Masukkan kapsul tersebut ke mesin pengetar (Amalgamator) dan getarkan mengikut arahan pengeluar
  - 4.2.3 Buka kapsul dan tuangkan kandungan kapsul (Amalgam) ke dalam mangkuk dappen
  - 4.2.4 Bawa Amalgam dengan Pembawa Amalgam kepada perawat.
  - 4.2.5 Masukkan Amalgam ke dalam kaviti dan padatkan oleh perawat

## **Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia**

Tajuk Dokumen : Arahan Kerja Tampalan

No. Dokumen: AK/PP/07

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16 Oktober 2009

- 4.3 Sekiranya memerlukan tampalan Sewarna Gigi;
  - 4.3.1 Jika menggunakan komposit, prosedur asid etching dan sapuan agent pengikat (bond) hendaklah dilakukan mengikut arahan pengeluar.
  - 4.3.2 Jika menggunakan GIC, sapuan pengkondisyen dentin dilakukan.
  - 4.3.3 Letakkan bahan restorasi Sewarna gigi ke dalam kaviti
  - 4.3.4 Jika memerlukan lampu jenis nampak (light cure), lakukan secara berlapis agar bahan tampalan dapat set/keras dengan sempurna.
  - 4.3.5 Jika bahan adalah jenis swapolimeran, bahan dipegang sehingga set/keras.

### **5. Ukiran Dan Pengilapan**

- 5.1 Setelah amalgam telah memenuhi ruang kaviti, buat pengukiran mengikut kontur gigi.
  - 5.1.1 Elakkan 'overfilling' dan 'marginal overhang'.
  - 5.1.2 Periksa oklusi dan sentuhan prematur
- 5.2 Bagi tampalan sewarna gigi, perapian mengikut kontur gigi hendaklah dilakukan.
  - 5.2.1 Elakkan 'over filling'.
  - 5.2.2 Periksa oklusi, pinggir dan 'contact point'
- 5.3 Berikan nasihat selepas rawatan kepada pesakit

Disediakan oleh: Dr Siti Norhazlin Binti Mohd Said; t/t:

Disemak oleh 1 : Dr Asilatul Hana Binti Abdullah Sani; t/t:

Disemak oleh 2: Dr Ahmad Termizi Bin Zamzuri; t/t:

Diluluskan oleh: Dr Hasenah Binti Mod Zaki, Pengarah; t/t: